



Ruj. Kami : JHEKS AM/PG/83
Tarikh : 2 Mei 2020

Kepada:

**Setiausaha Agung/ Setiausaha Kesatuan dan
Semua yang Bekenaan,**

Tuan/ Puan,

**PERSIDANGAN PERWAKILAN, MESYUARAT AGUNG DAN SEMUA
AKTIVITI PERHIMPUNAN KESATUAN SEKERJA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Jabatan ingin menarik perhatian tuan/puan berhubung Perutusan Khas YAB Perdana Menteri mengenai COVID-19 bertarikh 16 Mac 2020 mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac 2020 di seluruh negara. Perintah kawalan ini dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1966 dan Akta Polis 1967. Menurut peruntukan Seksyen 11(4) Akta 343 dibaca bersama Seksyen 24(a) akta yang sama menjadikan **INGKAR LARANGAN** adalah satu **KESALAHAN JENAYAH**.

3. Selaras dengan perintah kawalan Pergerakan yang sedang berkuatkuasa, Jabatan menegaskan agar sebarang program Persidangan Perwakilan, Mesyuarat Agung, kursus, seminar dan semua aktiviti perhimpunan kesatuan sekerja hendaklah **DITANGGUH** untuk sementara waktu.


Ruj. Kami : JHEKS AM/PG/83
PERSIDANGAN PERWAKILAN, MESYUARAT AGUNG DAN SEMUA AKTIVITI
PERHIMPUNAN KESATUAN SEKERJA

4. Untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Pekerja dan Cabaran Budaya Norma Baharu”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAHARAH BINTI ZAINAL ABIDIN)
b.p. Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja,
Malaysia